

Jawatan Menteri Hal-Ehwal Sabah dimansuh

GEORGETOWN, Selasa — Kerajaan berpendapat jawatan Menteri Hal-Ehwal Sabah tidak lagi diperlukan ketika ini kerana negeri itu sudah ditadbirkan oleh Barisan Nasional (BN), kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata oleh kerana negeri itu sudah ditadbir oleh Ketua Menteri dan Timbalan Ketua Menteri dari BN, pengkalan jawatan menteri itu boleh menimbulkan pelbagai konflik kepada pentadbirannya.

Menurutnya, pemimpin BN di Sabah sudah boleh mentadbir negeri itu dengan baik dan jawatan menteri berkenaan dianggap tidak sesuai ketika ini untuk mengelakkan sebarang masalah.

"Saya fikir kita tidak perlu lagi mempunyai seorang Menteri Hal-Ehwal Sabah walaupun masih ada kekosongan dalam Kabinet. Kita mahu seseorang untuk melihat perjalanan beberapa agensi dan jabatan kerajaan, terutama di Sabah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang, di sini, hari ini.

Sehubungan itu, Dr Mahathir belum menetapkan portfolio untuk Datuk Bernard Dompok dan Datuk Jeffrey Kittingan yang masing-masing dilantik sebagai menteri dan timbalan menteri Pusat baru ini.

Sebelum ini, Dompok disebut-sebut akan dilantik sebagai Menteri Hal-Ehwal Sabah dan Jeffrey sebagai timbalannya.

Dr Mahathir berkata, beberapa agensi dan jabatan kerajaan masih perlu diperkemas dan perlukan bantuan pegawai untuknya.